

**Bil. 9**

**Selasa**

**21 Mac 2017**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

**KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**



## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Status Projek Pembedungan Pakej D52 dan D48**  
– YB. Tuan Hee Loy Sian (*Petaling Jaya Selatan*) [Halaman 1]
- **Isu Kemudahan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.**  
– YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh (*Sandakan*) [Halaman 3]



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO

16. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/ Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO

20. Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] - UMNO

51. Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. " Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. " Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. " Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. " Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. " Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. " Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. " Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. " Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. " Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. " Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. " Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. " Dato' Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. " Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. " Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. " Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. " Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. " Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. " Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. " Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. " Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. " Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]

15. Yang Berhormat Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]

23. Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

#### **AHLI-AHLI (AMANAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

**PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

**WARISAN**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian bt. Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Selasa, 21 Mac 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)*  
***mempengerusikan Mesyuarat***

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Status Projek Pembedungan Pakej D52 dan D48**

**2.33 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Permasalahan Projek Pakej D52 dan D48 Pembinaan Rangkaian Paip Pembedungan di Petaling Jaya Selatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada projek pembedungan Pakej D52 dan D48 pembinaan rangkaian paip di kawasan Petaling Jaya Selatan.

Hasil daripada projek pengorekan jalan yang dijalankan di merata tempat ini, ia tidak dilaksanakan dengan teratur. Selepas kerja-kerja pengorekan dijalankan, hasilnya didapati jalan raya berlopak-lopak dengan teruk. Sementara menunggu kerja turapan dibuat, didapati bahawa satu lagi kerja pengorekan lain dibuat. Akibat daripada itu, banyak berlaku kemalangan jalan raya terutama sekali pada waktu malam. Selain itu, jalan raya di persekitaran mengalami kesesakan yang teruk dan kesulitan amat terasa pada waktu-waktu puncak. Jalan yang asalnya dua jalur disempitkan ke satu jalur akibat kerja-kerja ini. Kesempitan jalur jalan ini berlanjutan sehingga satu hingga satu setengah tahun.

Saya ingin mengingatkan kecelakaan yang berlaku pada 4 Mei 2016 lalu, di mana sebuah kereta telah terjatuh ke salah satu lubang pembedungan yang sedang dalam pembinaan di Jalan Universiti, Petaling Jaya berhadapan dengan bangunan *Sin Chew Daily*. Selain itu, terdapat juga lagi insiden berlaku di Jalan PJS 1/21, Taman Medan, di mana sebuah motosikal terjatuh ke dalam lubang pembinaan.

Selain daripada kes yang saya nyatakan, berapa banyak kes kemalangan dan bentuk kemalangan yang berlaku sejak pembinaan projek ini dimulakan dan siapakah akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang kemalangan yang melibatkan nyawa berlaku?

Pengorekan tanah juga mengakibatkan longkang-longkang di persekitaran tersumbat. Kejadian menjadi lebih mudarat apabila berlaku hujan yang menyebabkan banjir kilat. Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah banyak menggunakan budi bicara untuk mengatasi masalah ini dalam memantau permasalahan ini. Bagaimanakah kerja-kerja pengorekan jalan yang dijalankan oleh pihak kontraktor yang dilantik KeTTHA menjalankan kerja-kerja pemantauan. Pihak MBPJ pernah mengeluarkan arahan *stop work order*, tetapi masih tidak berubah.

Saya ingin mengetahui, apakah langkah-langkah pencegahan supaya kejadian sedemikian yang dinyatakan tidak berulang lagi. Apakah faktor-faktor yang menjadi permasalahan yang menggusarkan penduduk tempatan? Adakah kontraktor yang dipertanggungjawabkan menjalankan kerja ini gagal untuk menjalankan kerja yang sewajarnya?

Adakah ia berpunca daripada peralatan pembinaan yang tidak mencukupi atau kekurangan tenaga kerja? Adakah kontraktor yang bertanggungjawab ini mengalami masalah kekurangan kewangan sehingga kerja-kerja ini memakan masa yang panjang.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang tempoh projek yang dijalankan ini, adakah projek ini akan siap seperti yang dirancang pada November 2017 seperti yang dijanjikan. Sekiranya projek ini tidak dapat siap pada tempoh yang dinyatakan, pihak manakah yang menanggung kos lanjutan ini nanti? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, ada kecelakaan yang berlaku, saya tengok *Google translate*, ia insiden. Lebih kepada kemalangan, Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 2.35 ptg.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Sebelum saya memberi respons kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, izinkan saya untuk memberikan sedikit maklumat mengenai projek berkenaan. Projek pembedungan Pakej D52 dan D48 merupakan antara projek kementerian yang dilaksanakan di bawah inisiatif *Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* dalam usaha mengurangkan punca pencemaran kumbahan dan meningkatkan infrastruktur pembedungan yang lebih teratur dan berkesan.

Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) yang merupakan agensi teknikal kerajaan dalam penyediaan kemudahan pembedungan dan pembinaannya turut diselia oleh Indah Water Konsortium Sendirian Berhad (IWK) selaku Perunding Pengurusan Projek (PMC) bagi kerajaan. Pelaksanaan projek ini membabitkan pemasangan paip pembedungan utama yang akan menyalurkan aliran kumbahan dari loji-loji kecil sedia ada di kawasan Petaling Jaya Selatan ke loji rawatan kumbahan berpusat di Pantai Dalam (D48) dan di Puchong (D52).

Pakej D52 dilaksanakan oleh syarikat JAKS Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak sebanyak RM236,588,558. Projek yang bermula pada 26 November 2013 telah mencapai kemajuan 54.6 peratus dan dijangka dapat disiapkan pada 10 Disember 2018.

Pakej D48 pula dilaksanakan oleh syarikat Cipta Wawasan Maju *Engineering* (CWM) Sendirian Berhad dengan nilai kontrak sebanyak RM139,800,000. Projek yang bermula pada 26 April 2013 telah mencapai kemajuan 94 peratus dan *almost* dijangka dapat disiapkan pada 14 September 2017.

Kedua-dua kontraktor yang dilantik mempunyai pengalaman luas dan berkeupayaan dalam melaksanakan projek pembedungan. Pelaksanaan projek ini sentiasa dipantau supaya kerja-kerja pembinaan mematuhi *prosedur operasi standard* (SOP), spesifikasi, kehendak dan syarat-syarat kontrak terutama dari aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kerja-kerja pembinaan rangkaian paip pembedungan ini melibatkan *ground works*, isu kesesakan dan masalah kepada trafik serta kacau ganggu sementara kepada penduduk persekitaran yang terbabit tidak dapat dielakkan. Namun begitu, beberapa langkah pengawalan telah diambil untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik dan kacau ganggu kepada pengguna jalan raya seperti berikut:

- (i) pelaksanaan pelan komunikasi bagi menghebahkan maklumat pelaksanaan projek ini kepada pihak-pihak berkepentingan melalui sesi taklimat, edaran *pamphlet* dan saluran media sosial;
- (ii) pelaksanaan pelan pengurusan trafik untuk meminimumkan kesan ke atas aliran trafik melalui pemasangan papan tanda, pengawal lalu lintas dan pemasangan pengadang keselamatan yang dikendalikan oleh perunding pengurusan trafik yang bertauliah; dan
- (iii) pelaksanaan analisis risiko bagi mengenal pasti punca-punca yang boleh mendatangkan bahaya (*hazard*) dan mengambil langkah-langkah pencegahan.

Ingin dimaklumkan bahawa insiden yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan adalah merujuk kepada kemalangan yang berlaku di Pakej D47 (Petaling Jaya Utara) sebelah kedua-dua pakej ini. Ia bukan pakej yang dirujuk tanpa-iaitu pakej D52 ataupun 48 yang terjadi pada 4 Mei 2016 itu. Dalam kejadian ini, sebuah kereta telah terbabas dan terjunam ke dalam lubang *jacking pit*, dengan izin. Pihak kementerian turut bersimpati dengan keluarga mangsa. Kejadian ini merupakan satu kes yang terpencil dan hanya satu kes kemalangan yang serius direkodkan sepanjang pelaksanaan projek. Laporan dan siasatan berkenaan kemalangan ini telah dijalankan oleh pihak berkuasa antaranya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Ingin dijelaskan bahawa insiden ini tidak berpunca daripada peralatan-peralatan pembinaan yang tidak mencukupi, kekurangan tenaga kerja atau pun masalah kewangan kontraktor. Sepanjang pelaksanaan projek ini, tiada lagi kes seumpama ini yang direkodkan oleh pihak JPP.

Pihak kontraktor telah mematuhi prosedur keselamatan sepenuhnya seperti meletakkan pengadang berimpak tinggi, dengan izin, *high impact barrier* di sekeliling kawasan *jacking pit*, meletakkan pengawal keselamatan, pemasangan papan tanda yang mencukupi dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, sejak pelaksanaan projek Pakej D48, sebanyak tiga kes kemalangan trafik dilaporkan yang berpunca daripada kecuai pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol dan melanggar pengadang berimpak tinggi. Bagi pelaksanaan Pakej D52 pula, tiada kes kemalangan yang dilaporkan secara rasmi. Sepanjang projek D48 dan D52 ini dilaksanakan, tiada isu banjir kilat berlaku disebabkan longkang-longkang tersumbat akibat kerja-kerja pengorekan jalan kecuali banjir kilat barangkali yang besar. Kerja-kerja pembersihan sekitar tapak bina dijalankan setiap hari setelah selesai kerja-kerja pengorekan dan dipantau oleh pihak perunding pengurusan projek serta Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Kementerian akur berkenaan arahan henti kerja (*stop work order*), dengan izin, pernah dikeluarkan oleh MBPJ bagi Pakej D48 dan Pakej D52 ini berpunca dari isu-isu berkaitan penurapan jalan, jalan berlopak dan kekotoran kawasan kerja. Dimaklumkan, kerja-kerja pembaikan semula dilaksanakan dengan segera supaya mematuhi keperluan pihak MBPJ. Semenjak Februari 2016, tiada lagi arahan henti kerja dikeluarkan terhadap Pakej D48. Manakala bagi Pakej D52, arahan henti kerja terakhir adalah pada Januari 2017.

Tuan Yang Dipertua, akhir kata, pelaksanaan Pakej D48 dan D52 adalah demi kesejahteraan penduduk di Petaling Jaya Selatan yang bakal mempunyai sistem perkhidmatan pembetulan yang cekap dan moden selari dengan taraf Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya serta membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, kementerian ingin mengajak Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan untuk bersama-sama dengan kementerian untuk mempromosikan faedah projek ini kepada penduduk di kawasan Petaling Jaya Selatan. Jika ada aduan-aduan yang tidak terselesai di peringkat pelaksana, saya sedia dirujuk dan dihubungi bila-bila masa dan jika aduan itu mudah sampai, kita akan selesaikan sewajarnya, Terima kasih.

■1440

### Isu Kemudahan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

2.45 ptg.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk Peraturan Mesyuarat 17, mengenai ucapan penanguhan kepada Kamar Khas ini, saya merujuk ucapan saya kepada Menteri Kesihatan. Masalah-masalah, kemudahan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Bajet 2017 memperuntukkan RM2.5 bilion bagi tujuan membina dan menaik taraf hospital dan kemudahan-kemudahan kesihatan, saya ingin tanya kepada kementerian sama ada bajet tersebut adakah disediakan ke Hospital Duchess of Kent di Sandakan?

la adalah amat menyesali apabila saya lihat Hospital Duchess of Kent di Sandakan masih mengalami pelbagai masalah kekurangan kemudahan dan kekurangan pakar, ia perlu diatasi dengan secepat mungkin supaya kepentingan orang ramai perlu ditindas. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya pernah berulang kali bahaskan di sesi Parlimen yang lalu, ia adalah amat mengecewakan kerana masalah kemudahan-kemudahan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan masih tidak dapat diselesaikan sehingga hari ini.

Sebagai contoh, dua lif yang rosak di bangunan hospital selama tiga tahun, kereta ambulans yang tidak mencukupi, dewan operasi yang belum siap dibaik pulih selama dua tahun, tempat letak kenderaan tidak mencukupi, mesin dialisis yang tidak mencukupi sehingga pesakit minta derma dari masyarakat untuk menanggung kos rawatan dan sebagainya. Ia amat menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kementerian beri satu tarikh bila semua masalah ini boleh diselesaikan. Oleh kerana kekurangan mesin dialisis, dewan operasi dan kereta ambulans, ia menyebabkan pesakit ambil masa yang lebih panjang untuk beratur supaya mendapat rawatan. Ia bukan sahaja menyusahkan pesakit, malah ia adalah membahayakan nyawa pesakit. Ia adalah tidak adil dan tidak patut.

Saya nak dapatkan maklumat daripada kementerian bahawa berapa peruntukan telah diberi kepada Hospital Duchess of Kent, Sandakan setiap tahun dari tahun 2012 hingga 2016? Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Sandakan merupakan bandar kedua besar di Sabah, ia adalah amat diperlukan bahawa Hospital Duchess of Kent, Sandakan haruslah dinaiktarafkan secara menyeluruh dengan disediakan pelbagai kepakaran seperti onkologi. Ia akan membawa kemudahan dan kesenangan kepada rakyat bukan sahaja di Sandakan malah seluruh Pantai Timur akan dimanfaatkan. Saya minta jawapan kepada semua soalan-soalan yang saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

**2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah pun melawat Hospital Duchess of Kent ini, Tuan Yang di-Pertua. Hospital ini merupakan hospital berpakar major (400 katil) di bahagian Sandakan, Pantai Timur Sabah, sememangnya telah diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dengan itu, pihak kementerian ingin memberi maklum balas terhadap isu-isu yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Sandakan:

- (i) naik taraf blok lama telah dilaksanakan secara berperingkat dan dimulai dengan Naik taraf Sistem Perpaipan Gas Perubatan dengan nilai RM3.4 juta pada tahun 2014. Projek ini telah disiapkan dan pihak kementerian telah meneruskan naik taraf bangunan blok perubatan lama ini dengan meluluskan projek bernilai RM 2.5 juta bagi menaik taraf wad *maternity* atau wad bersalin termasuk beberapa kerja elektrik, mekanikal dan sivil. Projek ini telah diserahkan kepada JKR Sabah untuk dilaksanakan dan dalam proses melantik konsultant projek; dan
- (ii) penggantian peralatan mesin CT *scan*, fluros kopi dan digital mamografi untuk kegunaan Jabatan Pengimejan Diagnostik HDOK, Sandakan adalah menjadi keutamaan KKM di mana KKM telah menyiapkan pre-bid dokumen dan spesifikasi peralatan. Permohonan peruntukan sebanyak RM9 juta juga telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi menggantikan peralatan-peralatan tersebut.

Pada tahun 2015, Hospital Duchess of Kent, Sandakan telah menerima lapan mesin hemodialisis baru iaitu enam dari KKM dan dua sumbangan). Sehingga kini, terdapat 22 mesin hemodialisis yang masih lagi boleh menampung keperluan 117 pesakit yang menerima rawatan hemodialisis di hospital tersebut.

Pada tahun 2016, sebanyak 47 buah kenderaan ambulans telah dibekalkan ke seluruh negeri Sabah di mana sebuah ambulans telah dibekalkan kepada Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Bagi perolehan tahun 2017/2018, agihan ambulans untuk seluruh negeri Sabah adalah sebanyak 55 buah di mana tiga buah ambulans dari jumlah agihan tersebut akan dibekalkan kepada Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

Berkenaan masalah pengoperasian sistem lif, Hospital Duchess of Kent, Sandakan dilengkapi dengan sembilan unit lif di tiga blok bangunan berasingan iaitu Blok Bangunan Lama, Blok Bangunan Klinik Pakar dan Blok Bangunan Baru tiga hingga enam tingkat. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, pihak kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM 1.5 juta bagi penggantian tiga unit lif di Blok Bangunan Lama dan Blok Bangunan Klinik Pakar pada tahun 2011, 2012 dan 2015.

Selain itu juga, peruntukan berjumlah RM1.2 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi penggantian dua unit lif lagi di Blok Bangunan Klinik Pakar dan status semasa kerja-kerja tersebut adalah di dalam peringkat perolehan. Buat masa ini, status pengoperasian sistem lif di Blok Bangunan Klinik Pakar adalah sebanyak dua lif masih beroperasi.

Bagi kemudahan dan perkhidmatan Dewan Bedah, Hospital Duchess of Kent Sandakan dilengkapi dengan sebanyak lapan unit Dewan Bedah yang terletak di tiga buah blok bangunan berasingan. Bagi menjamin penyampaian perkhidmatan perubatan yang baik kepada masyarakat di daerah Sandakan khususnya, Kementerian telah meluluskan peruntukan untuk menaiktarafkan kemudahan empat Dewan Bedah. Buat masa ini, pihak kementerian di dalam proses lantikan kontraktor bagi pelaksanaan kerja naik taraf Dewan Bedah tersebut dan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

Kerajaan sedar bahawa terdapat kekangan serta terdapat keperluan untuk menaiktarafkan tempat letak kereta sedia ada kepada tempat letak kereta bertingkat di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, berikutan kos pembinaan dan penyelenggaraan tempat letak kereta bertingkat yang agak tinggi dan melihatkan keadaan peruntukan yang terhad buat masa ini, kerajaan berhasrat untuk membina tempat letak kereta bertingkat secara *public private partnership* (PPP) dengan kaedah *built-operate-transfer* (BOT).

Buat masa ini, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek tempat letak kereta bertingkat ini secara rintis di dua buah hospital di kawasan Lembah Klang, iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) Klang dan seterusnya di Hospital Serdang di negeri Selangor. Sekiranya berjaya, projek ini akan diperluaskan untuk pelaksanaan di mana-mana hospital yang mempunyai masalah kekurangan tempat letak kenderaan yang sama, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.56 petang]***